




BAHASA MELAYU TAHUN 3

TAJUK : KENANGAN INDAH SEMASA
BERCUTI



Objektif

- Murid dapat memahami perbezaan kata nama am dan kata nama khas.
- Murid dapat menyenaraikan kata nama am dan kata nama khas,



Kata Nama Am dan Kata Nama Khas **Kenangan Indah semasa Bercuti**

Nasri membantu Nabila menyiapkan tugas “Kenangan Indah semasa Bercuti” yang diberikan oleh guru. Ibu bapa mereka turut memberikan idea.

Karnival Mesra Proton diadakan di **Kuala Pilah**, Negeri Sembilan. Pelbagai **kereta** dipamerkan seperti **Proton Ertiga**. Pengunjung boleh bergambar dengan maskot **harimau**. Maskot itu bernama **Sang Rimau**.



Kota Batu Johor Lama dahulunya ialah **benteng** pertahanan daripada serangan **Portugis**. Kota tersebut terletak di puncak **bukit** di tebing **Sungai Johor**.



Masjid Sultan Abu Bakar dibina pada tahun 1893. Masjid ini dirasmikan oleh DYMM Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abu Bakar. Masjid Sultan Abu Bakar terletak di pinggir selat, iaitu Selat Tebrau, Johor.



Info Bahasa

Kata Nama Am merujuk benda, manusia, tempat dan haiwan secara umum.
Kata Nama Khas merujuk benda, manusia, tempat dan haiwan secara khusus.
Huruf pertama kata nama khas ditulis dengan huruf besar.

Benda: kenderaan (kereta , Proton Saga)	Haiwan: harimau , Sang Gajah
bangunan, (hospital , Hospital Putrajaya)	
Manusia: lelaki, Ahmad	
Tempat: negeri, Terengganu, sungai, Sungai Pahang	

Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat menggunakan kata nama am dan kata nama khas dalam bahan.



Info Bahasa



Info Bahasa

Kata Nama Am merujuk benda, manusia, tempat dan haiwan secara umum.

Kata Nama Khas merujuk benda, manusia, tempat dan haiwan secara khusus.

Huruf pertama kata nama khas ditulis dengan huruf besar.

Benda: kenderaan (**kereta**, **Proton Saga**)
 bangunan, (**hospital**, **Hospital Putrajaya**)


Manusia: **lelaki**, **Ahmad**

Tempat: **negeri**, **Terengganu**, **sungai**, **Sungai Pahang**

Haiwan: **harimau**,
 Sang Gajah

Kata Nama Am= Merujuk kepada benda, manusia, tempat dan haiwan secara umum

Kata Nama Khas= Merujuk kepada benda, manusia, tempat dan haiwan secara Khusus.



KATA NAMA AM




Merujuk benda, perkara, **atau** konsep yang umum sifatnya



Di eja dengan huruf kecil **kecuali** pada permulaan ayat




Terdapat 2 bahagian kata nama am iaitu benda bernyawa **dan** tak bernyawa



Benda Bernyawa



Manusia



Haiwan



Tumbuhan



Tempat

Benda Bukan Bernyawa


Benda



Kata Nama Am

- Kata nama am ialah kata yang digunakan untuk menjelaskan nama sesuatu yang bernyawa seperti orang, haiwan, dan sesuatu yang tidak bernyawa seperti tumbuh-tumbuhan, tempat, benda, dan sebagainya.
- Dengan kata lain perkataan nama am digunakan bagi menyebut sesuatusecara am atau umum.

Benda Bernyawa	Manusia , orang	ayah, perempuan, kerani, polis, guru, doktor, askar dll
	binatang	ayam, gajah, kerbau anjing, kuda, burung, ikan dll
	tumbuh-tumbuhan	pokok, betik, rumput, lalang dll
Benda tidak bernyawa	benda	pasir, kayak, radio, rumah. Motorkar, pen, buku, dll
	tempat	pejabat, pulau, sekolah, kampung, bandar, negeri dll



Kata nama am hendaklah ditulis dengan menggunakan huruf kecil melainkan pada awal ayat.



Dia sedang menjinakkan seekor <u>gajah</u> .	Pada akhir ayat
<u>Gajah</u> itu berbadan besar.	Pada awal ayat



KATA NAMA KHAS

Merujuk benda, perkara, atau konsep yang bersifat khusus.

Dieja dengan huruf besar pada huruf pertama setiap perkataan.

Dibahagikan 2 kumpulan iaitu bernyawa dan tak bernyawa.



Manusia

Karmila

Ahmad
Naim

TuanKu Mizan
Ibni Sultan
Zainal Abidin

Bukan Manusia



Sang Kancil

Si Belang



Tompok

Kata Nama Khas

-Bernyawa-



Bangunan

Bandar

Tajuk Buku/Filem/Lagu

Angkasapuri



Temerloh

New York

Keluarga (majalah),

Rentong (novel),

Kamus Dewan (buku),

Bikers Kental2 (filem)

Menara
Kuala Lumpur



Tokyo

Kangar

Serdang

Kampar

Wisma Putra
Pusat Dagangan
Dunia Putra



Kata Nama Khas
-Tak Bernyawa-



Kata Nama Khas

- Kata nama khas ialah kata nama yang khasnya digunakan untuk menyebut nama sesuatu yang bernyawa dan yang tidak bernyawa.
- Kata nama khas digunakan bagi menyebut sesuatu yang tertentu, khusus atau khas. Huruf pertama perkataan nama khas ini hendaklah ditulis dengan huruf besar.

Benda bernyawa	manusia	Zaidi, Mei Fong, Subramaniam
	binatang	Tompok (kucing), Jalak (ayam)
	tempat	Muar (daerah), Seremban (bandar), Jepun (negara)
Benda tidak bernyawa	bangunan	Pudu Raya (perhentian bas dan teksi), Menara Tun Razak (pejabat)
	judul buku	Keluarga (majalah), Rentong (novel), Kamus Dewan (buku)
	benda	Proton Perdana (kereta), Pilot (pen), Seiko (jam)



Kata Nama Am dan Kata Nama Khas **Kenangan Indah semasa Bercuti**

Nasri membantu Nabila menyiapkan tugas “Kenangan Indah semasa Bercuti” yang diberikan oleh guru. Ibu bapa mereka turut memberikan idea.

Karnival Mesra Proton diadakan di **Kuala Pilah**, Negeri Sembilan. Pelbagai **kereta** dipamerkan seperti **Proton Ertiga**. Pengunjung boleh bergambar dengan maskot **harimau**. Maskot itu bernama **Sang Rimau**.



Kota Batu Johor Lama dahulunya ialah **benteng** pertahanan daripada serangan **Portugis**. Kota tersebut terletak di puncak **bukit** di tebing **Sungai Johor**.



Masjid Sultan Abu Bakar dibina pada tahun 1893. Masjid ini dirasmikan oleh DYMM Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abu Bakar. Masjid Sultan Abu Bakar terletak di pinggir selat, iaitu Selat Tebrau, Johor.




Info Bahasa

Kata Nama Am merujuk benda, manusia, tempat dan haiwan secara umum.
Kata Nama Khas merujuk benda, manusia, tempat dan haiwan secara khusus.
Huruf pertama kata nama khas ditulis dengan huruf besar.

Benda: kenderaan (kereta , Proton Saga)	Haiwan: harimau , Sang Gajah
bangunan, (hospital , Hospital Putrajaya)	
Manusia: lelaki, Ahmad	
Tempat: negeri, Terengganu, sungai, Sungai Pahang	

Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat menggunakan kata nama am dan kata nama khas dalam bahan.



Praktis UPSR / Kata Nama Am & Kata Nama Khas

Bulatkan jawapan yang paling sesuai.

1. Ahli kumpulan itu akan pergi mendaki _____ pada minggu hadapan.

- A Gunung Kinabalu
- B Menara Kuala Lumpur
- C Jambatan Pulau Pinang
- D Sekolah Menengah Ampang

2. Saya kagum melihat Menara Berkembar Petronas ketika melawat ke _____.

- A Alor Setar
- B Johor Bharu
- C Kuala Lumpur
- D Kota Kinabalu

3. Kamala membeli alat tulis di _____ sebentar tadi.

- A Stadium Bukit Jalil
- B Kampung Tanjung
- C Pasar Raya Menara
- D Balai Bomba Cheras

Soalan 4 berdasarkan gambar.



4. Nama kucing kesayangan kakak ialah _____.

- A Si Murai
- B Si Belang
- C Sang Gajah
- D Sang Buaya

5. Mereka ialah murid-murid kelas _____.

- A tiga Baiduri
- B Tiga Baiduri
- C Tiga baiduri
- D tiga baiduri

6. Di dalam reban itu ada beberapa ekor _____ peliharaan ibu saya.

- A ikan
- B ayam
- C lembu
- D burung

Soalan 7 berdasarkan gambar.



7. Abang memakai topi keledar semasa menunggang _____.

- A kereta
- B sampan
- C motosikal
- D helikopter

8. Kevin membaca _____ cerita tentang haiwan yang panjang akal, iaitu _____.

- A buku ... Sang Kancil
- B buku ... Sang Kerbau
- C kertas ... Sang Semut
- D majalah ... Sang Kancil



Penutup

Apa yang kita
belajar hari
ini?

